

**Muhyiddin Mahu Rakyat Kekalkan BN Sebagai Kerajaan  
Bernama  
24 April, 2013**

SITIAWAN, 24 April (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini mengajak rakyat mempertahankan pemerintahan kerajaan Barisan Nasional (BN) yang telah terbukti berjaya dalam usahanya memastikan rakyat menikmati kehidupan yang lebih baik.

Sambil mengingatkan rakyat supaya tidak terpengaruh dengan slogan pembangkang untuk menukar kerajaan, Muhyiddin berkata kerajaan BN sentiasa menunaikan tanggungjawab dan janji-janjinya sewaktu diberi amanah mentadbir negara.

Katanya kerajaan sentiasa mengutamakan kebajikan rakyat dan berusaha memastikan apa yang dirancang memberi faedah kepada semua lapisan rakyat tanpa mengira kaum dan agama.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata kerajaan BN juga komited untuk meningkatkan taraf pendidikan rakyat di negara ini untuk membolehkannya mencapai kedudukan yang terbaik di peringkat antarabangsa.

Melalui pelbagai usaha yang dirancang kerajaan, rakyat dapat hidup dalam keadaan aman serta menikmati kehidupan yang lebih baik berbanding sebelum ini, katanya ketika berucap pada perhimpunan rakyat 1Malaysia di Kampung Pasir Panjang Laut di sini, Rabu.

Muhyiddin berkata bagi memastikan usaha kerajaan itu mencapai matlamat, kerajaan memerlukan sokongan rakyat.

"Kemajuan dan pembangunan tidak terjadi begitu sahaja kerana pimpinan kerajaan BN tidak mempunyai lampu ajaib yang membuat apa sahaja yang dimahukan dengan mudah," katanya.

Terdahulu, ketibaan Muhyiddin disambut meriah dengan iringan tarian naga dari Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Nan Hwa dan paluan gendang tradisi masyarakat India.

Beliau yang teruja dengan sambutan lebih 5,000 hadirin itu menyifatkan perhimpunan hari ini sebagai luar biasa dan mungkin yang terbesar pernah diadakan di kampung itu.

"Dengan jumlah yang ramai, semangat tinggi dan berkobar-kobar pastinya tidak lain tidak bukan untuk memberikan sokongan padu kepada parti BN," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=944760>